

*Tarikh Dibaca: 29 Januari 2016*

# **KHUTBAH JUMAAT**

*Tajuk:*

**“BAGAI KETAM MENGAJAR ANAKNYA  
BERJALAN BETUL”**

**\*\*\***

*Terbitan:*

*Unit Khutbah*

*Bahagian Pengurusan Masjid*

**JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**



**SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR  
SESI 2016**

- 1. SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim (Pengerusi)**  
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 2. Tuan Haji Ahmad Zaki Bin Arsad (Timbalan Pengerusi)**  
Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
- 3. SS. Doktor Haji Anhar Bin Haji Opir (Ahli)**  
Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor
- 4. Tuan Haji Idris Bin Ramli (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pengurusan Masjid, JAIS
- 5. Yg. Berbahagia Prof. Madya Dr. Osman Bin Sabran (Ahli)**
- 6. Tuan Haji Sianid Bin Mokim (Ahli)**
- 7. Tuan Haji Hamid Bin Md Isa (Ahli)**
- 8. Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah (Ahli)**
- 9. Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin (Ahli)**
- 10. Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya (Ahli)**  
Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- 11. Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid (Ahli)**  
Majlis Agama Islam Selangor
- 12. Ustaz Hairol Azmi Bin Khairudin (Urusetia)**  
Penolong Pengarah Unit Khutbah, BPM, JAIS



## “BAGAI KETAM MENGAJAR ANAKNYA BERJALAN BETUL”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ  
وَأَهْلِيكُمْ نَارًا...

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang Jumaat sekalian marilah sama-sama kita meningkatkan darjat ketakwaan kepada Allah SWT dengan



bersungguh-sungguh, melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Mimbar Jumaat pada hari ini ingin mengajak jemaah untuk menghayati khutbah yang bertajuk: “**BAGAI KETAM MENGAJAR ANAKNYA BERJALAN BETUL**”.

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Ibu bapa merupakan agen pembentukan peribadi mulia anak-anak. Amat membimbangkan kita remaja kini sering melibatkan diri dalam masalah sosial yang telah mencetuskan isu polemik dalam media massa yang saban hari meniti dari bibir ke bibir. Siapakah yang harus dipersalahkan dalam hal ini?

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Tugas ibu bapa ialah tugas profesional yang perlu digarap dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang baik. Seseorang tidak boleh dianggap sebagai guru sekiranya dia tidak mempunyai kelulusan dan kemahiran dalam bidang perguruan. Maka begitulah juga ibu bapa, tidak boleh dianggap sebagai ibu bapa yang sempurna sekiranya dia gagal mempunyai ilmu, kemahiran dan sikap yang seiring dengan perkembangan semasa yang bertepatan dengan kehendak Al-Quran dan Al-Sunnah.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal, ayat 27 dan 28 yang bermaksud :

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). Dan ketahuilah*



*bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar".*

Melabelkan anak sebagai derhaka apabila si anak tidak mendengar kata, merupakan amalan negatif masyarakat berkeluarga. Malah ada ibu bapa yang meleteri anaknya dengan pelbagai gelaran yang memalukan hanya kerana perkara yang kecil, tanpa memberi peluang membela diri. Wajarkah tindakan kita sebegitu? Apakah jalan penyelesaian yang perlu dirungkai dalam menghadapi situasi seperti ini.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian.**

Begitulah kita, seringkali membahaskan isu berkaitan anak derhaka, namun jarang sekali kita melihat kepada puncanya. Seringkali juga kita mengharap anak faham dengan sikap kita. Namun bagaimana dengan kita sendiri?.

Sudahkah cukup kita menyelami jiwa dan tabiat anak-anak? Sedangkan kita sibuk dengan kerja, hinggakan di rumah juga, kita tidak berenggang dengan telefon bimbit yang sentiasa di tangan. Di manakah keharmoniaan dan kerukunan dalam rumah tangga, jika sikap ibu bapa itu sendiri yang telah menafikan hak berkasih sayang dalam institusi keluarga?.

Hadis daripada Ibnu Umar RA bahawa Rasulullah SAW bersabda :

إِنَّمَا سَمَّاهُمُ اللَّهُ أَبْرَارًا لِأَنَّهُمْ بَرُّوا الْآبَاءَ  
وَالْأَبْنََاءَ، كَمَا أَنَّ لِي وَالِدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا، كَذَلِكَ



## لَوْلَدِكَ عَلَيْكَ حَقًّا.

*"Sesungguhnya Allah s.w.t menamakan mereka al-Abrar kerana mereka berbuat baik kepada ayah-ayah mereka dan anak-anak mereka, sebagaimana dijelaskan bahawasanya kedua-dua orang tua kamu ada hak atasmu begitu juga anak-anak kamu ada hak atas kamu (orang tua)."*

*(Riwayat at-Tabrani).*

Anak adalah cermin dan pantulan daripada perlakuan ibu bapanya. Setiap yang terzhahir daripada sifat dan tabiat anak sama ada baik atau buruk itulah sebenarnya gambaran sifat dan tabiat kita sebagai ibu bapa.

Mendidik anak-anak boleh dilihat sebagai amanah yang sangat mudah. Kita hanya perlu menjadikan diri yang baik, kemudian kebaikan itu dilihat oleh anak-anak, lalu diteladani oleh mereka. Namun mendidik juga boleh dilihat sebagai amanah yang amat berat. Ini kerana bukan mudah untuk memperbaiki diri kita untuk dicontohi oleh anak-anak. Ia perlukan proses mujahadah melawan hawa nafsu yang berterusan. Kebanyakan kita masih mengajar, bukan mengajak anak-anak untuk melakukan satu kebaikan.

Sebagai contoh, kita menyuruh mereka solat, tetapi kita sendiri masih leka dengan aktiviti lain. Kita arahkan mereka belajar sedangkan kita khayal menonton televisyen. Kita menyuruh anak-anak berkata baik, namun kita sendiri bersikap memaki hamun orang lain dihadapan anak-anak. Sepatutnya, kaedah yang terbaik ialah apa yang kita suruh itulah yang kita buat dan mengajak mereka bersama-sama dengan kita. Namun, hakikat yang berlaku sebaliknya, bagai ketam mengajar anaknya berjalan betul itulah perumpaan yang tepat kepada ibu bapa seperti ini. Memberi nasihat



kepada orang lain, tetapi dia sendiri tidak mengamalkannya.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 44 :

أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْسَوْنَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ  
تَتْلُونَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ ﴿٤٤﴾

*"Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?"*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Memenuhi 'keperluan' anak-anak merupakan aspek penting dalam memastikan mereka membesar dalam keadaan seimbang dan hak mereka tidak terabai. Keperluan ini perlu diisi secara adil mengikut ukuran kepentingannya dan dilaksanakan berdasarkan urutan masa yang selaras dengan pertumbuhan dan perkembangan anak-anak. Keperluan yang dimaksudkan ialah :

### **1. Keperluan Fizikal**

Seorang bapa harus berusaha untuk memenuhi kehendak dan keperluan utama anak-anaknya. Antaranya makan minum, pakaian, tempat tinggal, kemudahan kesihatan, kemudahan pengangkutan, mendorong anak-anak beriadah, membiasakan anak-anak dengan amalan kebersihan, mengatur jadual hariannya dan merawatnya ketika sakit.



## **2. Keperluan Akal**

Ibu bapa mesti melengkapkan diri anak-anak dengan ilmu yang sempurna sama ada fardu ain ahupun fardu kifayah. Pakar pendidikan Islam telah merumuskan bahawa antara keperluan untuk mengisi keperluan ilmu dan pemikiran ialah, menanamkan budaya cintakan ilmu dan adab belajar, menghafaz ayat-ayat al-Quran dan Hadis, memilih guru dan sekolah yang terbaik dan lain-lain lagi.

## **3. Keperluan Emosi**

Perasaan anak-anak perlu dibelai, dihargai dan didengari. Ahli psikologi berpendapat, anak-anak yang tidak dibelai, dihargai dan didengari akan membesar dalam emosi yang tertekan. Untuk itu, ibu bapa mesti menjadi pendengar yang baik, bersifat simpati dan empati agar mereka akan membesar sebagai individu yang cerdas emosinya.

## **4. Keperluan Rohani**

Anak-anak wajib di didik dengan soal-soal keimanan, kepercayaan yang mantap kepada Allah, hari akhirat, syurga dan neraka. T tutur kata, perbuatan dan tindakan ibu bapa sehari-hari amat berkesan untuk mendidik anak-anak dalam soal keimanan dan akhlak.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT sekalian,**

Ibu bapa perlu sedar, anak-anak yang dalam jagaan kita pada hari ini adalah aset kepada diri kita sendiri di akhirat kelak. Hari ini mungkin kita berbangga jika anak-anak dapat menaiki kereta besar, memiliki rumah besar dan berpangkat tinggi kerana ia juga memberi saluran kesenangan kepada kita selaku ibu bapanya di dunia. Namun, pernahkah kita terfikir apakah anak





kita juga mampu memberi sumbangan yang besar kepada kita semasa di alam barzakh nanti?

Harta dan segala kemewahan tidak berguna lagi kepada kita yang sedang terbaring di alam kubur, melainkan hanya amal jariah, ilmu yang bermanfaat yang dimanfaatkan dan doa anak yang soleh sahaja.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah S.A.W telah bersabda:

"إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ  
: مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَالدِّ  
صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ"

*"Apabila seorang anak Adam mati putuslah amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah atau ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain atau anak yang soleh yang mendoakannya."  
(Riwayat Muslim).*

Oleh sebab itu kepada suami isteri yang beriman, peraturan Allah (syariat) perlu ditaati dan dilaksanakan dalam rumah tangganya. Islam bukanlah agama ritual yang berguna pada waktu kelahiran, perkahwinan dan kematian sahaja, tetapi ia adalah satu cara hidup yang sempurna. Maka ciri-ciri menjadi ibu bapa cemerlang adalah sepertimana saranan berikut yang perlu diberi perhatian agar kita dapat menghasilkan anak-anak yang soleh dan solehah, oleh itu sebagai ibubapa kita hendaklah :



1. Mempunyai ilmu, khususnya dengan menyemai akidah Islam yang sebenar ke dalam jiwa anak-anak. Benih yang terbaik akan menjadikan anak terdidik dengan akhlak al-quran dan menjadikan nabi sebagai contoh tauladan terbaik dalam melayari kehidupan di dunia ini. Bukan hanya semata-mata mengejar dan berbangga dengan kejayaan anak-anak dalam akademik dengan memperoleh sijil kecemerlangan sahaja.

2. Menguasai emosi diri, agar sentiasa tenang, lemah lembut dan tidak kasar melayan karenah anak-anak. Berkatalah dengan kata-kata yang baik dan berhikmah agar maksud yang baik itu sampai kepada keperluan akal dan emosi mereka.

3. Jauhi sifat marah dengan melontar leteran yang tiada kesan dan impak yang positif terhadap anak-anak. Gantikan dengan sikap tegas, khususnya dalam mengendalikan hasrat emosi dan jiwa anak-anak.

4. Bijaksana mendengar dan menerima pandangan anak-anak jika benar ada kesilapan di pihak kita. Sesungguhnya tidak ada manusia itu yang benar-benar sempurna, kadang-kadang kita sebagai ibu bapa juga melakukan kesilapan yang boleh diperbetulkan oleh insan yang lebih muda daripada kita.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِأَبْنِهِ ۖ وَهُوَ يَعِظُهُ ۚ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ

إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ



"Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku! janganlah kamu mempersekutukan (Allah) sesungguhnya mempersekutukan (Allah) itu adalah benar-benar melakukan kezaliman yang besar".

(Surah Luqman: 13).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk fahaman atau perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama Islam. Sebaliknya seluruh umat Islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ  
قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى  
أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَان شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَان صَلاَحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.



Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ



اللَّهُ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.